

MAHATHIR

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 9.30 MALAM INI)

1979
KUALA LUMPUR, 27 SEPT. (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK SANGGUP MENCURAHKAN MINYAK SEBANYAK-BANYAKNYA DALAM PASARAN BAGI MENGATASI KEKURANGAN MINYAK DALAM NEGERI SEKARANG INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA INI IALAH KERANA DALAM BERBUAT DEMIKIAN KERAJAAN JUGA MESTILAH SANGGUP PULA MILIHAT IANYA DISELUDUP KE TEMPAT-TEMPAT LAIN.

DITEMURAMAH DALAM RANCANGAN KHAS "EHWAL SEMASA" MELALUI TV MALAYSIA MALAM INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK MAMPU MENGAMBIL LANGKAH TERSEBUT UNTUK MENGATASI KEKURANGAN MINYAK SEKARANG KERANA AKIBATNYA YANG TIDAK MENGUNTUNGKAN NEGARA.

TURUT SERTA DALAM RANCANGAN ITU IALAH ENCIK MOHAMED ARIF BADOR, PENASIHAT HAL EHWAL KERAJAAN KEPADA ESSO MALAYSIA BHD. DATUK MOHAMED SOPIEE IBRAHIM, TIMBALAN Pengerusi MAJLIS PENASIHAT PELINDUNG PENGGUNA, RAJA ZAZAMAN SHAH, TIMBALAN PRESIDEN PERSATUAN PENIAGA MINYAK DAN DUA ORANG WARTAWAN TEMPATAN — CIK HARDEV KAU DARI BUSINSS TIMES DAN CIK ROSNAH MAJID DARI UTUSAN MMALAYSIA.

—BERSAMBUNG HM 1820
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASALAH YANG DIHADAPI SEKARANG IALAH BANYAK MANA SEKALIPUN MINYAK DIBEKALKAN OLEH PETRONAS, KERAJAAN TIDAK DAPAT MENJAMIN BEKALAN BAHAN ITU AKAN MENCUKUPI.

INI IALAH KERANA KEMUNGKINAN PENYELUDUPAN KE LAIN TEMPAT, UJAR BELIAU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN TELAH SEDAYA UPAYA BERTINDAK MENGURANGKAN HARGA MINYAK KE PARAS YANG BERPATUTAN KERANA JIKA TIDAK, KESANNYA TERHADAP INFLASI AKAN LEBIH BURUK SEHINGGA TIDAK TERKAWAL.

BELIAU BERKATA BERIKUTAN KENAIKAN HARGA MINYAK OLEH OPEC, KERAJAAN TELAH DIHADAPKAN DENGAN KEADAAN SAMADA MEMBEBAHKAN RAKYAT DENGAN MENAIKKAN HARGA MINYAK SEPENUHNYA ATAU MENAMBAHKAN SABSIDI.

TERANGNYA, KERAJAAN TELAH MEMILIH KEDUA-DUA JALAN IAITU MENAIKKAN SABSIDI DAN JUGA MENAIKKAN HARGA DENGAN BERPATUTAN.

—BERSAMBUNG HM 1824

££

B621

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KATANYA, KERAJAAN TIDAK DAPAT MEMBERIKAN SABSIDI LEBIH DARIPADA PARAS YANG DIBERIKAN SEKARANG KERANA JIKA HARGA MINYAK TERLALU RENDAH DI NEGARA INI, SUDAH TENTU IANYA AKAN DISELUDUP KE NEGARA-NEGARA JIRAN DIMANA HARGANYA LEBIH TINGGI.

"JIKA INI BERLAKU, INI BERMAKNA KERAJAAN JUGA MEMBERIKAN SABSIDI KEPADA RAKYAT NEGERI LAIN DISAMPING RAKYATNYA SENDIRI," TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM MENGHADAPI MASALAH KEKURANGAN MINYAK INI, MALAYSIA LEBIH BERJAYA DARIPADA NEGARA-NEGARA LAIN YANG MEMPUNYAI PAKAR-PAKAR EKONOMI DAN PERANCANG YANG BIJAK.

—BERNAMA HM 1830